

PM syor institut

KUALA LUMPUR 27 Ogos — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengesyorkan Jepun mewujudkan Institut Latihan Kemahiran Jepun-Malaysia bagi mengatasi masalah kekurangan tenaga mahir dalam industri berteknologi tinggi di negara ini.

Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi berkata, cadangan tersebut disampaikan oleh

Dr. Mahathir dalam pertemuannya dengan rakan sejawatannya dari Jepun, Tomiichi Murayama pagi ini.

“Dengan adanya institut ini, keperluan tenaga kerja yang benar-benar mahir untuk bekerja dalam industri teknologi tinggi akan diberi latihan,” katanya.

Beliau menyatakan demikian kepada para pemberita selepas menghadiri perbincangan dua

hala antara kedua-dua Perdana Menteri itu di Jabatan Perdana Menteri, di sini, hari ini.

Murayama yang diiringi oleh anak perempuannya, Yuri Nakahara mengetuai rombongan 62 anggota untuk lawatan rasmi selama tiga hari ke negara ini.

Abdullah berkata, di samping itu Dr. Mahathir berpendapat bahawa institut berkenaan pen-

latihan bersama

ting memandangkan Malaysia mempunyai dasar menggalakkan industri berteknologi tinggi.

Menurutnya, Perdana Menteri juga meminta supaya Jepun meningkatkan pelaburan dalam industri berteknologi tinggi di negara ini.

Kata beliau, Dr. Mahathir meminta supaya Jepun mempertimbangkan cara bagaimana mengatasi masalah pembayaran

balik hutang ekoran kenaikan nilai mata wang yen.

“Perdana Menteri memberitahu bahawa Malaysia menghadapi masalah akibat faedah yang tinggi.

“Jadi beban untuk membayar balik juga terus meningkat,” tambahnya.

Dalam pada itu kata Abdullah, Murayama memaklumkan pihaknya akan memberi pertimba-

ngan terhadap permintaan berkenaan.

Selain daripada itu, kata beliau, Dr. Mahathir memberitahu Murayama, Malaysia akan meneruskan pelaksanaan Dasar Pandang ke Timur kerana dasar berkenaan telah banyak membantu dalam pembangunan negara ini.

“Perdana Menteri Jepun itu menyambut baik hasrat Malaysia untuk meneruskan Dasar Pandang ke Timur,” tambahnya.